

**PENERIMAAN KOMUNITI TERHADAP CADANGAN
PROGRAM PENEMPATAN SEMULA : KAJIAN KES
DI KAMPUNG TANJUNG KAPOR, KUDAT**

MOHAMMAD KADIR BIN ZAINAL ABIDIN



UMS

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2019

**PENERIMAAN KOMUNITI TERHADAP CADANGAN
PROGRAM PENEMPATAN SEMULA : KAJIAN KES
DI KAMPUNG TANJUNG KAPOR, KUDAT**

MOHAMMAD KADIR BIN ZAINAL ABIDIN

**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI SYARAT
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA**



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2019

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL: **PENERIMAAN KOMUNITI TERHADAP CADANGAN PROGRAM PENEMPATAN SEMULA: KAJIAN KES DI KAMPUNG TANJUNG KAPOR, KUDAT**

IJAZAH: **SARJANA SASTERA (GEOGRAFI)**

Saya **MOHAMMAD KADIR BIN ZAINAL ABIDIN**, sesi **2015-2019**, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/):


SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan, Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD


MOHAMMAD KADIR BIN ZAINAL ABIDIN
MA1421162T

Disahkan Oleh,
NORAZLYNNE MOHD. JOHAN @ JACKLYNE
PUSTAKAWAN
(Tandatangan Pustakawan)

Tarikh: 01 OGOS 2019


PROF MADYA DR JABIL BIN MAPJABIL
Penyelia

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

01 OGOS 2019



MOHAMMAD KADIR BIN ZAINAL ABIDIN
MA1421162T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


PENGESAHAN

NAMA : **MOHAMMAD KADIR BIN ZAINAL ABIDIN**
NO.MATRIK : **MA1421162T**
TAJUK : **PENERIMAAN KOMUNITI TERHADAP CADANGAN
PROGRAM PENEMPATAN SEMULA : KAJIAN KES DI
KAMPUNG TANJUNG KAPOR, KUDAT**
IJAZAH : **IJAZAH SARJANA SASTERA (GEOGRAFI)**
TARIKH VIVA : **08 FEBRUARI 2019**

DISAHKAN OLEH :

PENYELIA

PROFESOR MADYA DR. JABIL MAPJABIL



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Tandatangan

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Terlebih dahulu dengan rasa rendah dirinya, saya ingin melafazkan kesyukuran yang tidak terhingga ke hadirat ilahi dengan limpah dan kurniaNya, saya dapat menyiapkan tesis ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih dan sekalung penghargaan teristimewa kepada Profesor Madya Dr. Jabil Mapjabil selaku penyelia tesis atas segala nasihat, tunjuk ajar, bimbingan dan kesabaran beliau sepanjang saya menyediakan tesis ini. Tidak dilupa juga kepada semua pensyarah Program Geografi, FKSW, Universiti Malaysia Sabah khususnya Dr. Nor ina, Dr. Oliver, Dr. Harifah, Dr. Gaim dan Dr. Ubong yang turut memberi tunjuk ajar kepada saya.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ketua Kampung dan JKKK Kampung Tanjung Kapor, Kudat. Jutaan terima kasih juga kepada penduduk kampung kerana memberikan kerjasama semasa saya di lapangan untuk mendapatkan maklumat sepanjang kajian ini dijalankan. Saya turut mengucapkan terima kasih kepada En. Hadzlan bin Jablee, Pegawai Tadbir kerana telah membantu dalam memberikan maklumat program penempatan semula khususnya di Sabah. Ucapan terima kasih juga disampaikan kepada rakan iaitu Jirey, Zulhalmi, Loges, Mimi dan Pirdaus yang banyak membantu dan memberikan dorongan dan motivasi kepada saya.

Akhir kata, terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu dan bapa saya yang banyak membantu dari segi kewangan, sentiasa memberikan galakan dan sokongan moral. Terima kasih juga kepada isteri saya iaitu Ruzila kerana banyak membantu dalam memberi idea dalam penulisan tesis ini. Tidak lupa juga diucapkan ribuan terima kasih kepada ahli keluarga saya terutama sekali buat adik-beradik yang menjadi sumber inspirasi dan tulang belakang kepada kejayaan saya dalam pengajian peringkat sarjana ini.

MOHAMMAD KADIR BIN ZAINAL ABIDIN
01 OGOS 2019.

ABSTRAK

Penempatan setinggan masih menjadi isu utama di Malaysia khususnya di negeri Sabah. Kewujudan penempatan ini menimbulkan pelbagai isu dan masalah sosial serta kemiskinan. Pihak berkuasa melaksanakan pelbagai langkah dan program untuk menangani isu setinggan, salah satunya adalah program penempatan semula. Namun begitu, program ini menghadapi pelbagai isu dan cabaran dalam pelaksanaannya. Terdapat tiga objektif kajian ini, iaitu (i) mengenal pasti tahap kepentingan aspek tata cara atau prosedur dan proses permohonan program penempatan semula kepada komuniti; (ii) meneliti pengetahuan penduduk terhadap kriteria dan kelayakan permohonan sebelum menyertai program penempatan semula dan (iii) meneliti sejauh mana penerimaan komuniti terhadap program penempatan semula berdasarkan faktor ekonomi, sosial dan persekitaran. Reka bentuk kajian yang digunakan ialah pendekatan eksploratori dengan mengaplikasikan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Kaedah kuantitatif digunakan bagi mengumpul data menggunakan soal selidik dan kaedah kualitatif digunakan untuk menemu bual secara mendalam dan tidak langsung untuk ketua kampung, JKKK kampung dan penduduk kampung. Responden kajian ini terdiri daripada 219 orang dalam kalangan penduduk setempat. Data dianalisis menggunakan perisian *statistical for social science (IBM SPSS Statistics 20)* dengan menggunakan analisis kekerapan, *crosstab* dan min. Hasil kajian menunjukkan taklimat mengenai program penempatan semula adalah aspek utama yang 'sangat penting' kepada responden iaitu sebanyak min 4.54. Manakala tahap kepentingan aspek kriteria dan kelayakan permohonan program penempatan semula pula, hasil kajian mendapati taraf kewarganegaraan adalah aspek utama yang 'sangat penting' kepada penduduk sekitar Kampung Tanjung Kapor dengan nilai min 4.48. Manakala hasil kajian untuk objektif ketiga pula, penduduk lebih menerima program penempatan semula berdasarkan faktor ekonomi iaitu kedai atau perniagaan yang berdekatan dengan kawasan tempat tinggal serta tempat kerja juga perlu berhampiran perumahan baharu iaitu masing-masing dengan nilai min 4.53 dan 4.47. Manakala faktor sosial, majoriti responden sangat menerima program penempatan semula jika penempatan disediakan bekalan air serta sumber bekalan elektrik iaitu masing-masing dengan nilai min 4.57 dan 4.51. Akhir sekali faktor persekitaran pula, penduduk menginginkan penempatan baharu perlu memiliki sistem pembuangan sampah yang lebih teratur dan baik iaitu dengan nilai min 4.60. Oleh itu, berdasarkan hasil kajian penerimaan komuniti di perkampungan setinggan terhadap program penempatan semula adalah relevan untuk membantu penduduk setinggan mengetahui tentang program penempatan semula dan dapat menyuarakan pendapat mereka tentang program ini. Ia juga dapat memastikan agar program penempatan semula pada masa akan datang lebih mesra penduduk dan mampu meningkatkan tara hidup mereka.

ABSTRACT

COMMUNITY ACCEPTANCE OF RESETTLEMENT PROGRAMME PROPOSALS: CASE STUDIES AT KAMPUNG TANJUNG KAPOR, KUDAT

Squatter settlement still a major issue in Malaysia, especially in Sabah. The existence of these plots poses many issues and social problems as well as poverty. Authorities are implementing various measures and programs to address squatter issues, one of which is the relocation program. However, the programme faces various issues and challenges in its implementation. There are three objectives of this study, namely (i) identifying the importance for the aspects of the procedure and the application process for resettlement programme to the community; (ii) examine the population's knowledge of application criteria and qualifications prior to joining the resettlement programme and (iii) examining the extent of community acceptance of resettlement programs based on economic, social and environmental factors. The research design used was an exploratory approach by applying quantitative and qualitative methods. Quantitative methods were used to collect data using questionnaire techniques and qualitative methods used to interviews in-depth and indirectly for village chiefs, village JKKK and villager. Respondents of this study consisted of 219 people in the local population. The data were analysed using statistical for social science (IBM SPSS Statistics 20) software using frequency, crosstab and min analysis. The findings show that the resettlement programme is very important aspect to respondents is mean value of 4.54. whereas the level of importance of the criteria and qualifications of the resettlement program application, the study found that citizenship status is a 'very important' aspect of the people around Kampung Tanjung Kapor with a mean value of 4.48. whereas the results of the study third objective, resident are more likely to receive resettlement programme based on economic factors such as shops or business that are close to residential areas and workplaces should also be locate near new housing with 4.53 and 4.47 min respectively. While social factors, the majority of respondents received a resettlement program if the placement was provided with water supply and electricity supply with 4.57 and 4.51 min respectively. Finally for environment factors, residents want new settlement need to have a better waste disposal system with a mean value of 4.60. hence, based on the results of community resettlement studies in squatter villages on resettlement programme are relevant to help squatters learn about resettlement programme and be able to express their opinions about the programme. It also ensures that future resettlement programs are more people friendly and able to increase their lives.

SENARAI KANDUNGAN

| | Halaman |
|---------------------------|---------|
| TAJUK | i |
| PENGAKUAN | ii |
| PENGESAHAN | iii |
| PENGHARGAAN | iv |
| ABSTRAK | v |
| <i>ABSTRACT</i> | vi |
| SENARAI KANDUNGAN | vii |
| SENARAI RAJAH | xiii |
| SENARAI JADUAL | xiv |
| SENARAI FOTO | xvi |
| SENARAI LAMPIRAN | xvii |
| | |
| BAB 1 PENDAHULUAN | |
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.2 Latar Belakang Kajian | 1 |
| 1.3 Permasalahan Kajian | 3 |
| 1.4 Persoalan Kajian | 5 |
| 1.5 Objektif Kajian | 5 |
| 1.6 Skop Kajian | 5 |
| 1.6.1 Isu Kajian | 6 |

| | | |
|-------|---------------------------------------------|----|
| 1.6.2 | Lokasi Kajian | 6 |
| 1.6.3 | Responden Kajian | 6 |
| 1.6.4 | Tempoh Masa Kajian | 6 |
| 1.7 | Kawasan Kajian | 7 |
| 1.7.1 | Ciri Lokasi Geografi | 7 |
| 1.7.2 | Ciri Persekitaran Fizikal | 8 |
| 1.7.3 | Ciri Persekitaran Manusia | 8 |
| 1.8 | Kepentingan Kajian | 10 |
| 1.8.1 | Disiplin Ilmu Geografi | 10 |
| 1.8.2 | Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan | 11 |
| 1.8.3 | Pembuat dan Pelaksana Dasar | 11 |
| 1.8.4 | Sumber Literatur Penyelidikan | 11 |
| 1.10 | Kesimpulan | 12 |

BAB 2 TINJAUAN BAHAN LITERATUR

| | | |
|-------|----------------------------------------|----|
| 2.1 | Pengenalan | 13 |
| 2.2 | Konsep dan Definisi Operasional Kajian | 13 |
| 2.2.1 | Komuniti | 13 |
| 2.2.2 | Setinggalan | 14 |
| 2.2.3 | Penempatan Semula | 15 |
| 2.3 | Perkembangan Setinggalan di Malaysia | 17 |

| | | |
|-------|------------------------------------------------|----|
| 2.4 | Isu Kajian Petempatan Setinggalan | 19 |
| 2.4.1 | Isu Sosioekonomi di Setinggalan | 19 |
| 2.4.2 | Isu Persekitaran di Setinggalan | 23 |
| 2.5 | Sorotan Kajian Lepas Program Penempatan Semula | 26 |
| 2.5.1 | Isu dan Cabaran Program Penempatan Semula | 30 |
| 2.6 | Ciri-Ciri Program Penempatan Semula | 33 |
| 2.7 | Lompang Kajian | 35 |
| 2.8 | Kerangka Konseptual Kajian | 35 |
| 2.9 | Kesimpulan | 38 |

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

| | | |
|-------|--------------------------|----|
| 3.1 | Pengenalan | 39 |
| 3.2 | Reka Bentuk Kajian | 39 |
| 3.3 | Kaedah Penyelidikan | 40 |
| 3.3.1 | Kaedah Kualitatif | 40 |
| 3.3.2 | Kaedah Kuantitatif | 41 |
| 3.4 | Instrumen Kajian | 42 |
| 3.5 | Populasi dan Persampelan | 43 |
| 3.5.1 | Populasi | 43 |
| 3.5.2 | Persampelan | 43 |
| 3.6 | Kajian Rintis | 46 |
| 3.7 | Teknik Pengumpulan Data | 48 |

| | | |
|-------|--------------------------------------|----|
| 3.7.1 | Data Primer | 48 |
| 3.7.2 | Data Sekunder | 51 |
| 3.8 | Teknik Analisis dan Persembahan Data | 52 |
| 3.8.1 | Analisis Data | 53 |
| 3.8 | Kesimpulan | 56 |

BAB 4 ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

| | | |
|-------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------|----|
| 4.1 | Pengenalan | 57 |
| 4.2 | Profil Demografik Responden | 57 |
| 4.3 | Profil Demografik Responden Temu Bual Secara Tidak Langsung | 61 |
| 4.4 | Profil Pemilikan Rumah dan Kemudahan Asas Responden | 62 |
| 4.5 | Tahap Pengetahuan Responden Terhadap Program Penempatan Semula | 67 |
| 4.5.1 | Tahap Pengetahuan terhadap Program Penempatan Semula Mengikut Jantina | 68 |
| 4.5.2 | Tahap Pengetahuan terhadap Program Penempatan Semula Mengikut Peringkat Umur | 69 |
| 4.5.3 | Sumber Maklumat Tentang Program Penempatan Semula | 70 |
| 4.5.4 | Pengetahuan Responden tentang Aspek Tata Cara dan Proses yang Terlibat Dalam Program Penempatan Semula | 71 |
| 4.5.5 | Pengetahuan Responden tentang Aspek Kriteria dan Kelayakan Untuk Program Penempatan Semula | 73 |
| 4.6 | Aspek Tata Cara (Prosedur) dan Proses Permohonan Program Penempatan Semula | 75 |

| | | |
|------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------|----|
| 4.7 | Aspek Kriteria dan Kelayakan Permohonan Program Penempatan Semula | 78 |
| 4.8 | Penerimaan Komuniti terhadap Program Penempatan Semula Berdasarkan Faktor Ekonomi | 82 |
| 4.9 | Penerimaan Komuniti terhadap Program Penempatan Semula Berdasarkan Faktor Sosial | 84 |
| 4.10 | Penerimaan Komuniti terhadap Program Penempatan Semula Berdasarkan Faktor Alam Sekitar / Persekitaran | 88 |
| 4.11 | Kesimpulan | 92 |

BAB 5 TAFSIRAN DAN PERBINCANGAN HASIL KAJIAN

| | | |
|-------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| 5.1 | Pengenalan | 93 |
| 5.2 | Tahap Pengetahuan Responden terhadap Program Penempatan Semula | 93 |
| 5.2.1 | Tahap Pengetahuan Responden tentang Kewujudan Terhadap Program penempatan Semula Mengikut Jantina | 94 |
| 5.2.2 | Tahap Pengetahuan Komuniti tentang Sumber Maklumat Program Penempatan Semula | 95 |
| 5.2.3 | Tahap Pengetahuan Responden tentang Aspek Kriteria dan Kelayakan untuk Menyertai Program Penempatan Semula | 95 |
| 5.3 | Tahap Kepentingan Aspek Tata Cara dan Pelaksanaan Program Penempatan Semula Kepada Komuniti | 97 |
| 5.4 | Tahap Kepentingan Aspek Kriteria dan Kelayakan Permohonan Program Penempatan Semula | 99 |
| 5.5 | Tahap Penerimaan Komuniti terhadap Program Penempatan Semula Berdasarkan Faktor Ekonomi, Sosial dan Persekitaran | 104 |
| 5.5.1 | Ekonomi | 104 |

| | | |
|-------|--------------------------------|-----|
| 5.5.2 | Sosial | 111 |
| 5.5.3 | Alam Sekitar Atau Persekitaran | 117 |
| 5.6 | Kesimpulan | 122 |

BAB 6 RUMUSAN DAN PENUTUP

| | | |
|-------|---------------------------------------------------------------|-----|
| 6.1 | Pengenalan | 123 |
| 6.2 | Rumusan Penemuan Kajian | 123 |
| 6.3 | Implikasi Dasar dan Cadangan | 129 |
| 6.4 | Sumbangan Kajian | 131 |
| 6.4.1 | Bidang Perumahan | 131 |
| 6.4.2 | Bidang Geografi Petempatan | 131 |
| 6.4.3 | Tahap Pengetahuan Penduduk Terhadap Program Penempatan Semula | 132 |
| 6.4.4 | Polisi dan Dasar Kerajaan tentang Program Penempatan Semula | 132 |
| 6.5 | Cadangan Kajian Masa Hadapan | 132 |
| 6.6 | Penutup | 134 |

| | |
|--------------------|-----|
| BIBLIOGRAFI | 135 |
|--------------------|-----|

LAMPIRAN

SENARAI RAJAH

| | | Halaman |
|-----------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|
| Rajah 1.1 | Kawasan Kajian | 7 |
| Rajah 1.2 | Kedudukan Lokasi Kajian | 8 |
| Rajah 2.1 | Jumlah Penduduk Setinggan | 19 |
| Rajah 2.2 | Organisasi Pengurusan Setinggan di Malaysia | 28 |
| Rajah 2.3 | Kerangka Konseptual Penyelidik | 37 |
| Rajah 3.1 | Pembahagian Teknik Pensampelan | 44 |
| Rajah 3.2 | Formula "Average Index" | 55 |
| Rajah 4.1 | Jenis Pemilikan Rumah | 63 |
| Rajah 4.2 | Tahap Pengetahuan tentang Kewujudan Program Penempatan Semula Mengikut Jantina | 68 |
| Rajah 4.3 | Tahap Pengetahuan tentang Kewujudan Program Penempatan Semula Mengikut Umur | 69 |
| Rajah 4.4 | Pengetahuan Sumber Maklumat tentang Program Penempatan Semula | 70 |
| Rajah 4.5 | Tahap Pengetahuan Responden tentang Aspek Tata Cara dan Proses yang Terlibat dalam Program Penempatan Semula | 72 |
| Rajah 4.6 | Tahap Pengetahuan tentang Aspek Tata Cara dan Proses yang Terlibat dalam Program Penempatan Semula Mengikut Jantina | 73 |
| Rajah 4.7 | Tahap Pengetahuan tentang Aspek Kriteria dan Kelayakan untuk Menyertai Program Penempatan Semula | 74 |

SENARAI JADUAL

| | | Halaman |
|-------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|
| Jadual 2.1 | Bilangan Setinggal Mengikut Negeri, 2015 | 18 |
| Jadual 3.1 | Kategori Skala | 55 |
| Jadual 4.1 | Profil Demografik Responden | 58 |
| Jadual 4.2 | Demografik Informan | 61 |
| Jadual 4.3 | Kategori Rumah | 63 |
| Jadual 4.4 | Jenis Kenderaan Dimiliki | 64 |
| Jadual 4.5 | Pemilikan Kemudahan Asas Lain | 65 |
| Jadual 4.6 | Punca Bekalan Air | 65 |
| Jadual 4.7 | Punca Bekalan Elektrik | 66 |
| Jadual 4.8 | Jenis Tandas | 67 |
| Jadual 4.9 | Kedudukan Tandas | 67 |
| Jadual 4.10 | Tahap Kepentingan Aspek Tata Cara dan Proses Permohonan Program Penempatan Semula | 75 |
| Jadual 4.11 | Tahap Kepentingan Aspek Kriteria dan Kelayakan Permohonan Program Penempatan Semula | 79 |
| Jadual 4.12 | Tahap Penerimaan Komuniti Terhadap Program Penempatan Semula Berdasarkan Faktor Ekonomi | 83 |
| Jadual 4.13 | Tahap Penerimaan Komuniti Terhadap Program Penempatan Semula Berdasarkan Faktor Sosial | 86 |
| Jadual 4.14 | Tahap Penerimaan Komuniti Terhadap Program Penempatan Semula Berdasarkan Faktor Alam Sekitar / Persekitaran | 88 |
| Jadual 5.1 | Tahap Kepentingan Aspek Tata Cara dan Proses Permohonan Program Penempatan Semula | 97 |
| Jadual 5.2 | Tahap Kepentingan Aspek Kriteria dan Kelayakan | 100 |

Permohonan Program Penempatan Semula

| | | |
|------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| Jadual 5.3 | Tahap Penerimaan Komuniti terhadap Program Penempatan Semula Berdasarkan Faktor ekonomi Mengikut Min | 105 |
| Jadual 5.4 | Tahap Penerimaan Komuniti terhadap Program Penempatan Semula Berdasarkan Faktor Sosial Mengikut Min | 111 |
| Jadual 5.5 | Tahap Penerimaan Komuniti terhadap Program Penempatan Semula Berdasarkan Faktor Persekitaran Mengikut Min | 118 |



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI FOTO

| | | Halaman |
|----------|--------------------------------------------------------------------------|---------|
| Foto 1.1 | Suasana Kampung Tanjung Kapor | 09 |
| Foto 1.2 | Kawasan Perkampungan Tanjung Kapor di Kawasan Atas Air | 10 |
| Foto 2.1 | Sisa Pepejal dan Sampah-Sarap di Pinggir Pantai Kampung Air, Semporna | 24 |
| Foto 2.2 | Longgokan Sampah-sarap di Kawasan Darat di Sekitar Kampung Air, Semporna | 25 |
| Foto 5.1 | Sampah Sarap yang Berada di Bawah Rumah | 113 |
| Foto 5.2 | Tandas Curah yang tidak Terjaga | 116 |
| Foto 5.3 | Sampah Sarap di Pinggir Pantai Kampung Tanjung Kapor | 119 |
| Foto 5.4 | Sampah Sarap di Pinggir Pantai | 120 |



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

| | Halaman |
|---------------------------------|---------|
| Lampiran A: Foto Kawasan Kajian | 186 |
| Lampiran B: Borang Soal Selidik | 191 |
| Lampiran C: Peta Daerah Kudat | 203 |



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Bab ini membincangkan latar belakang kajian tentang setinggan dan program penempatan semula di Kampung Tanjung Kapor, Kudat, Sabah. Seterusnya, perbincangan melibatkan aspek permasalahan kajian, persoalan kajian dan objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini akan diterangkan. Selain daripada itu, penjelasan mengenai skop kajian dan kawasan kajian yang dipilih turut dihuraikan secara ringkas. Bab ini diakhiri dengan huraian tentang kepentingan kajian.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Setinggan adalah konsep penempatan yang telah lama wujud sejak dahulu lagi. Istilah setinggan mengikut Akta Darurat merupakan apa-apa rumah, pondok, bangsal, gerai, tempat perteduhan (sengkuap), kurungan beratap atau apa-apa sambungan binaan yang bercantum kepada sesuatu bangunan atau binaan lain yang dibuat daripada apa juga bahan sebagai tempat binaan mengikut apa cara melainkan mengikut pelan yang diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan dan di atas mana-mana tanah kerajaan dan swasta. Menurut Kanun Tanah Negara 1965 di bawah seksyen 425(1)(a) penerokaan atau pendahuluan atau pembinaan bangunan di atas tanah hak pihak lain (kerajaan, rizab kerajaan, tanah agensi kerajaan, tanah komuniti, tanah persendirian atau lain-lain) secara haram adalah tidak sah di sisi undang-undang.

Setinggan adalah suatu masalah yang sering dihadapi oleh pemimpin sesebuah negara. Isu tersebut sering kali diperkatakan oleh sesetengah pihak, termasuk wakil rakyat, Badan Bukan Kerajaan (NGO), agensi kerajaan seperti Pejabat Tanah, Pejabat Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan dan Perancang Bandar dan Desa. Kerajaan mempunyai dasarnya tersendiri bagi memastikan tanah

kerajaan tidak diceroboh dengan sewenang-wenangnya oleh orang ramai yang tidak bertanggungjawab. Di bawah dasar kerajaan untuk menghadapi masalah pendudukan tanah kerajaan tanpa izin, kerajaan melaksanakan beberapa langkah dan strategi untuk mengambil tindakan di sisi undang-undang mengikut peruntukan seksyen 425(1)(a) KTN iaitu tindakan mendakwa penghuni terbabit serta merobohkan penempatan haram mereka. Walau bagaimanapun, dari sudut yang lain, tindakan ini ternyata sukar direalisasikan seandainya jumlah penghuni yang ramai, kawasan penempatan berkelompok akan mengundang bahaya dengan penglibatan kaum setinggan yang agresif dan pelbagai masalah lagi (Amaluddin dan Mohammad Raduan, 2004).

Bagi pihak berkuasa tempatan khususnya di kawasan negara sedang membangun, kewujudan rumah kediaman secara tidak formal seperti petempatan setinggan menjadi cabaran yang besar kerana usaha yang perlu dibuat untuk menempatkan semula penduduk petempatan setinggan ke kawasan yang bersesuaian. Hal ini bertujuan untuk merancang guna tanah dan memajukan taraf sosioekonomi penduduk khususnya golongan miskin yang mendiami kawasan setinggan (Dani, 2008). Di negeri Sabah, Lembaga Perumahan dan Pembangunan Bandar menjadi penggerak utama kepada pembinaan perumahan kos rendah. Salah satu program perumahan yang dikenali sebagai Program Perumahan Rakyat adalah khusus untuk disewakan kepada penduduk setinggan dan golongan berpendapatan rendah yang berkelayakan (LPPB, 2002).

Bagi mengukur kejayaan pelaksanaan program penempatan semula ini, ia bukan hanya dilihat berdasarkan jumlah penghuni yang berjaya dipindahkan ke tempat petempatan semula tetapi perlu juga dinilai berasaskan sejauh mana taraf hidup penduduk miskin tersebut ditingkatkan. Oleh yang demikian, selain pelaksanaan dasar dan strategi yang berkesan serta kecekapan pihak berkuasa tempatan dalam menguruskan program penempatan semula setinggan, aspek peningkatan taraf hidup isi rumah tersebut juga adalah perkara yang penting. Perubahan dan peningkatan taraf hidup penduduk setinggan yang terlibat dalam pelaksanaan program penempatan semula dapat dilihat melalui darjah ketersampaian penduduk terhadap kemudahan asas, perkhidmatan asas, tahap

kepuasan mendiami tempat baharu serta lokasi penempatan semula berada di kawasan yang strategik dan sesuai untuk menikmati kehidupan yang selesa (Aliakbar, 2009).

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Isu menempatkan semula setinggan ke kawasan baharu menjadi suatu masalah besar di Malaysia sehingga kerajaan menubuhkan satu jawatankuasa bertindak yang dinamakan Majlis Tanah dan Ekonomi Negara (MTEN) yang bertujuan untuk membasmi kawasan setinggan seluruh negara, terutamanya di kawasan bandar-bandar besar di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Pelbagai isu dan masalah yang berkaitan seperti kesesakan penghuni, masalah sosial, kemiskinan, pencemaran estetika alam sekitar dengan struktur rumah yang tidak teratur serta kekurangan kemudahan infrastruktur di kawasan setinggan dan sekitarnya.

Sehubungan dengan itu, perkembangan petempatan setinggan di Kudat berkait rapat dengan dasar perancangan pembangunan bandar tersebut. Kewujudan fenomena petempatan setinggan ini adalah penunjuk terhadap fenomena kemiskinan bandar yang sekali gus menggambarkan kepincangan dasar pembangunan sosioekonomi di negeri Sabah, khususnya di bandar berkenaan. Pelbagai usaha dilakukan untuk mengurangkan dan seterusnya mencapai tahap setinggan bandar sifar. Salah satu program yang dilaksanakan adalah program penempatan semula setinggan di kawasan baharu yang lebih terancang. Program penempatan semula ini dilaksanakan adalah untuk menangani masalah setinggan (Mohd Razali, 2005). Walaupun begitu, hasil dan kesan daripada program ini secara keseluruhannya masih belum dilaporkan secara umum.

Pihak kerajaan melaksanakan inisiatif melalui pelaksanaan dasar kerajaan dengan membina perumahan kos rendah serta strategi 'setinggan sifar' (Mohd Razali, 2005). Sehubungan itu, kawasan setinggan dirobohkan dan dibina semula perumahan lain yang dikenali sebagai program penempatan semula dengan meletakkan mereka di Program Perumahan Rakyat (PPR), Kos Rumah Rendah, Prima dan lain-lain. Langkah ini diambil oleh kerajaan untuk memastikan setiap

masyarakat di negara ini tidak dibelenggu dengan kemiskinan dan pada masa yang sama untuk mengatasi masalah setinggan di Malaysia. Untuk memastikan program ini berjaya, pihak kerajaan menyediakan beberapa kriteria dan kelayakan permohonan bagi masyarakat yang layak diberikan skim perumahan. Hal ini menimbulkan isu dan permasalahan berdasarkan tahap kepentingan aspek kriteria dan kelayakan permohonan program penempatan semula kepada komuniti penempatan setinggan. Antara isu yang berlaku adalah melibatkan penduduk yang menerima penempatan semula memiliki perumahan di luaran kawasan, namun tetap menerima perumahan yang sama (Marniey et al., 2007). Terdapat juga penduduk setinggan yang ditimpa kebakaran masih tidak disediakan penempatan semula kepada mereka dan masih berada di kawasan penempatan sementara iaitu di kawasan dewan kampung tersebut (Mohammad Kadir et al. 2015).

Selain itu, program penempatan semula komuniti setinggan memberi impak terhadap sosioekonomi masyarakat dari segi nilai, etika, tingkah laku dan sebagainya dalam kehidupan harian. Apabila proses pemindahan berlaku secara drastik menyebabkan masyarakat sukar mengubah gaya hidup mereka terhadap persekitaran sosial dan ekonomi yang mungkin berbeza dengan kehidupan setinggan dahulu. Mereka perlu mengadaptasi budaya dan cara hidup tradisional terhadap budaya cara hidup moden (Amaluddin dan Mohammad Raduan, 2004). Di sini, mungkin berlaku konflik dalam diri mereka kerana terpaksa menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu. Oleh itu, timbul permasalahan dalam kajian ini tentang penerimaan pemindahan komuniti setinggan terhadap suasana perkauman.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini akan menjawab beberapa persoalan seperti berikut:

- 1) Apakah kepentingan aspek tata cara atau prosedur dan proses permohonan program penempatan semula kepada penduduk setinggan?
- 2) Sejauh manakah kepentingan aspek kriteria dan kelayakan permohonan penempatan semula kepada responden sebelum menyertai program penempatan semula kepada penduduk setinggan?
- 3) Bagaimanakah penerimaan komuniti terhadap program penempatan semula berdasarkan faktor ekonomi, sosial dan persekitaran?

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan utama kajian ini adalah untuk menilai sejauh mana penerimaan komuniti terhadap program penempatan semula di Kampung Tanjong Kapor, Kudat seperti mana yang dilaksanakan oleh Kementerian Perumahan dan Petempatan. Secara khususnya, kajian ini melibatkan tiga objektif seperti berikut;

- 1) Mengenal pasti kepentingan aspek tatacara atau prosedur dan proses permohonan program penempatan semula kepada komuniti.
- 2) Meneliti tahap pengetahuan komuniti terhadap kepentingan aspek kriteria dan kelayakan permohonan program penempatan semula kepada komuniti.
- 3) Menentukan tahap penerimaan komuniti terhadap program penempatan semula berdasarkan faktor ekonomi, sosial dan persekitaran.

1.6 SKOP KAJIAN

Skop kajian dilakukan adalah untuk memastikan persoalan dan objektif kajian dalam penyelidikan ini tercapai dan tidak terpesong daripada bidang kajian. Oleh itu, skop kajian dalam penyelidikan ini haruslah meliputi ciri-ciri seperti berikut.